

17 SEP 1998

Ramli-Umno

RAMLI JUMPA PEMUDA UMNO PERAK MINGGU DEPAN

IPOH, 17 Sept (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib akan mengadakan perjumpaan dengan kepimpinan Pemuda Umno negeri minggu depan untuk mendapatkan penjelasan mengenai perjalanan mesyuarat khas pergerakan itu Selasa lepas.

Ramli bagaimanapun menafikan wujudnya masalah dalam Pemuda Umno Perak.

Beliau berkata isu mengenai pergerakan itu dikatakan berbangkit apabila satu atau dua orang mengumumkan pendapat yang tidak selari dengan keputusan yang diumumkan oleh Ketua Pemuda Negeri Jamal Nasir Rasdi selepas mesyuarat itu.

Beliau berkata Jamal bagaimanapun telah memberi jaminan kepadanya bahawa Pemuda Perak berdiri teguh dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti dan melucutkan jawatannya dalam Kabinet.

Pemuda Umno Negeri juga menyokong keputusan Pemuda Umno pusat untuk menyerahkan kepada MT membuat keputusan mengenai kedudukan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan tengah hari Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia cawangan Perak di sini hari ini.

Ramli berkata selain mendapatkan penjelasan, beliau juga akan memberi penerangan mengenai keputusan yang dibuat terhadap Anwar kepada Pemuda Umno supaya mereka memahami isu itu dengan jelas.

Menteri Besar Perak itu juga mengingatkan rakyat supaya memahami dengan jelas isu pemecatan Anwar supaya mereka tidak mudah dipesongkan terutama dengan kempen "reformasi" yang sedang dijelankannya.

Bagi anggota Umno, mereka tidak sepatutnya terlibat dengan gerakan tersebut dan tidak digalakkan menghadiri majlis-majlis ceramah Anwar, katanya.

Ramli berkata majlis penerangan mengenai pelucutan jawatan Anwar dan pemecatannya daripada parti telah dimulakan di beberapa bahagian di negeri ini termasuk di bahagiannya, Pasir Salak, yang meliputi bukan sahaja anggota Umno tetapi juga pelbagai lapisan masyarakat.

Ramli berkata Badan Perhubungan Umno Negeri sedang mengawasi perjalanan majlis penerangan ini bagi memastikan kesemua bahagian mengadakannya.

Beliau berkata bahagian-bahagian Umno yang masih belum mengadakan majlis penerangan diminta mengadakan dengan secepat mungkin bagi memastikan rakyat mendapat maklumat sebenar dan memastikan mereka tidak mudah dipesongkan dengan gerakan "reformasi" yang dijalankan oleh Anwar.

-- BERNAMA

HK NMO